

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HIU 225 – Pendidikan Nilai-Nilai Murni Dari Perspektif Islam**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. [a] Berdasarkan maksud hadith Rasulullah s.a.w,  
*"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia"*  
Huraikan kepentingan akhlak dalam ajaran Islam dan kaitannya dengan ilmu kerohanian.  
[60 markah]  
[b] Bincangkan tentang hakikat kejadian manusia dari segi jasmani dan rohaninya.  
[40 markah]
2. [a] Huraikan persoalan tentang ruh, hati, 'aqil dan nafs dalam ilmu kerohanian.  
[50 markah]  
[b] Apakah yang dimaksudkan dengan *mujahadah al-nafs* dan huraikan rukun-rukunnya.  
[50 markah]
3. [a] Terangkan definisi *tazkiyah al-nafs* dari segi bahasa dan istilah serta huraikan kepentingan-kepentingan *tazkiyah al-nafs*.  
[60 markah]  
[b] Bincangkan persoalan tentang penyakit hati dan kaedah-kaedah rawatannya menurut Islam.  
[40 markah]
4. [a] Bincangkan faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan penyelewengan akhlak dan cara-cara mengatasinya menurut pandangan Islam.  
[50 markah]  
[b] Huraikan kaitan ilmu tauhid dan ilmu fekah dengan ilmu kerohanian.  
[50 markah]
5. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan akhlak dan bincangkan adab-adab tujuh anggota badan seperti yang disarankan dalam Islam.  
[50 markah]  
[b] Nyatakan unsur-unsur akhlak dan bincangkan hujah-hujah yang mengatakan akhlak itu boleh diubah.  
[50 markah]